

**BAB IV**

## BAB IV

### RUMUSAN DAN CADANGAN

#### 4.1 Rumusan / Kesimpulan

Dalam Islam konsep ibadah untuk mempengaruhi kesedaran sosial adalah merupakan konsep dasar. Ibadah solat seseorang itu tidak memberi makna kepadanya jika dengan amalan tersebut tidak mampu mengawal hawa nafsu atau tidak dapat mencegah diri daripada perbuatan keji dan mungkar. Tahap keimanan seseorang juga tidak akan memberi manfaat sama sekali, sekiranya dengan keimanan yang ada tidak mempunyai kesedaran sosial untuk membantu masyarakat yang lemah. Hubungan keimanan dengan masalah sosial menjadi seperti hubungan dua permukaan syiling yang tak dapat pisahkan antara satu sama lain. Justeru itu, ibadah seseorang seharusnya mempunyai pengaruh sosial yang baik.

Demikian juga dengan fungsi masjid sebagai sebuah tempat ibadah, ia tidak akan memberi makna, jika tidak ada pengaruh jemaah dalam membantu permasalahan sosial, amalan gotong rotong, mengeratkan silaturrahim dan lain-lain. Begitu juga amalan ibadah menjadi tidak bermakna jika tidak ada pengaruh sosial yang ditimbulkan daripada ibadah. Masjid sebagai pusat tradisi, nilai, norma, hukum, seni, pendidikan, dan interaksi sosial adalah harta benda yang mempunyai nilai yang tinggi untuk terus dikekalkan. Dengan adanya masjid kegiatan-kegiatan ibadah individu dan sosial dapat berjalan dengan seimbang.

Pembangunan mental masyarakat dan pendidikan rohani melalui masjid adalah cara yang paling tepat untuk menjaga keharmonian masyarakat. Pembangunan fizikal dan pembangunan rohani perlu berjalan secara seimbang atau harmoni sehingga keseimbangan antara kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat dapat diperolehi. Kejayaan yang paling ketara akan dapat dilihat dalam pembangunan program-program masjid yang menjadikan masjid-masjid kita berkembang tidak hanya sebagai tempat solat, tetapi berkembang luas menjadi pusat kecemerlangan kehidupan Islam.

Sepertimana yang diketahui bahawa kegiatan-kegiatan ibadah yang dilaksanakan di Masjid India memang sangat padat. Masjid ini bukan hanya menyediakan tempat untuk solat fardhu lima waktu dan solat jumaat sahaja, namun kegiatan ibadah seperti kuliah agama, tazkirah dan dakwah, zakat, infaq dan sedekah di Masjid India merupakan kegiatan yang sangat memberangsangkan.

Begitu juga dengan ciri-ciri berpakaian ketika beribadah yang bersesuaian dengan budaya berpakaian mereka, warna kulit dan ras bangsa yang sama menampakkan suasana yang berlainan di masjid ini jika dibandingkan dengan masjid-masjid lain di Malaysia. Seolah-olah kita berada di tengah masyarakat India di Negara India. Pada masa yang sama kita juga melihat mereka adalah warga Malaysia yang taat dan mempunyai peranan tersendiri dalam kehidupan masyarakat berbilang kaum. Adat resam dan amalan harian, kenduri-kendara, perayaan-perayaan yang dilaksanakan dalam masyarakatnya memberi makna kepada kekayaan budaya Malaysia sebagai negara yang majmuk.

Nilai-nilai rohani dan penghayatannya menjadi sebahagian perkara yang tidak dapat dipisahkan dan menjadi kewajipan untuk menjaganya sebagai masyarakat yang beragama Islam. Penampilan Islam dapat dilihat dengan wujudnya corak ibadah dan amalan-amalan yang dilaksanakan di masjid. Masjid sebagai pusat ibadah dapat menseimbangkan di antara kehidupan dunia dan akhirat. Justeru itu Masjid India yang sentiasa diimarahkan dengan solat fardu lima waktu dan aktiviti dakwah yang lain maka sudah tentu ia akan menimbulkan kesedaran rohani kepada masyarakat di situ atau para jemaah yang datang dari luar, sekaligus sebagai pusat penyebaran syiar Islam yang sentiasa memberi peringatan kepada masyarakat khususnya India Muslim agar tidak terjerumus ke dalam kesesatan dunia yang hanya bersifat sementara.

#### **4.2 Saranan**

Sebagai penyelidik yang pertama memperolehi hasil penyelidikan terhadap amalan dan penghayatan Islam di kalangan India Muslim Masjid India, penulis ingin mengemukakan beberapa saranan atau cadangan yang difikirkan perlu dan sesuai untuk meningkatkan kualiti dan prestasi jawatankuasa masjid dan ahli jemaah serta aktiviti-aktiviti yang dijalankan di Masjid India.

Penulis membahagikan cadangan hasil daripada rumusan yang dilakukan kepada beberapa pihak untuk kebaikan bersama iaitu ahli jawatankuasa masjid, penceramah atau khatib, masyarakat atau jemaah masjid, kerajaan dan remaja. Antara cadangan penulis adalah:

#### **4.2.1 Ahli Jawatankuasa Masjid**

Ahli jawatankuasa masjid perlu meneruskan usaha-usaha yang telah dilaksanakan untuk mengekalkan nilai-nilai sejarah Masjid India supaya ia dapat dijadikan contoh yang baik dalam usaha mempertahankan dakwah Islamiyah, ibadah, dan mempertahankan tradisi masyarakat India Muslim khususnya di tempat kajian. Walaubagaimanapun usaha-usaha untuk mempertahankan nilai-nilai keIslaman dan tradisi-tradisi yang ada dalam masyarakat India Muslim di Malaysia seharusnya disokong oleh semua lapisan masyarakat. Di sinilah terletaklah bermacam-macam bentuk pengamalan Islam dan tradisinya yang mencorak kemajmukan kaum yang harmoni. Islam adalah agama yang bukan hanya di miliki oleh sesetengah kaum sahaja, tetapi Islam adalah universal dan *rahmatan lil 'alamin*.

#### **4.2.2 Penceramah / Khatib**

Menurut kebiasaannya, para penceramah dan Imam menggunakan bahasa Tamil untuk berceramah atau khutbah Jumaat di Masjid India, keadaan ini dapat memudahkan dan memberi kesan kepada pendengar ketika melaksanakan ajaran Islam di kalangan India Muslim. Tetapi pada waktu yang lain, bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi Malaysia dan bahasa pertuturan masyarakat berbilang kaum di negara ini haruslah diambil kira kerana pada waktu-waktu tertentu ada juga para jemaah yang terdiri daripada orang Melayu yang tidak tahu bahasa Tamil. Ini di sebabkan bahasa Melayu

merupakan bahasa rasmi negara Malaysia. Kaum India Muslim yang berbahasa Tamil juga adalah mempunyai tanggungjawab bersama supaya tetap mempertahankan kepentingan bahasa Melayu dalam masyarakat Muslim khususnya dan seluruh masyarakat Malaysia amnya. Bahkan sejarah membuktikan bahawa masyarakat India di tanah Melayu mempunyai sumbangan besar terhadap bahasa Melayu dalam menyebarkan Islam di seluruh Nusantara.

Bahasa Melayu sebagai bahasa dunia intelektual Islam sudah pun diakui oleh sejarah. Terdapat kira-kira 250 juta orang menggunakan bahasa Melayu di seluruh dunia. Semenjak bahasa Melayu sebagai lingua franca pada awal-awal kemasukan Islam, bahasa Melayu memainkan peranan yang sangat penting dalam mengislamkan tanah Melayu. Jadi tidak ada alasan untuk menolak bahasa Melayu sebagai bahasa intelektual dan pembelajaran dalam tradisi Islam. Justeru itu, sudah semestinya pihak Masjid India menggunakan bahasa Tamil dan bahasa Melayu secara seimbang sehingga dapat memperkuatkan ukhuwwah Islamiyyah di tengah-tengah kehidupan masyarakat Malaysia yang majmuk. Tanggungjawab sosial ini amat penting yang dilahirkan melalui nilai-nilai keislaman yang diamalkan dengan cara beribadah perhubungan kemasyarakatan dan kenegaraan.

Justeru itu penulis ingin mencadangkan kepada pihak jawatankuasa masjid dan mereka yang bertanggungjawab dalam usaha untuk menyediakan institusi pendidikan agama Islam untuk remaja dan kanak-kanak supaya mereka sudah bersedia bermula daripada sekarang. Kedua-dua golongan ini perlu mendapat perhatian daripada pihak Masjid India dan mereka yang bertanggungjawab untuk mengekalkan segala warisan dan amalan-amalan serta budaya yang ada pada hari ini. Dari segi kemudahan-kemudahan yang ada di masjid, semangat kerjasama antara jemaah masjid dan pentadbiran Masjid India sudah mampu untuk mendirikan institusi pendidikan agama bagi remaja dan kanak-kanak. Umpamanya mendirikan kelas pengajian al-Qur'an untuk kanak-kanak daripada keluarga jemaah Masjid India atau mengadakan kegiatan-kegiatan yang khusus untuk para remaja India Muslim di Kuala Lumpur. Hal tersebut amat penting dalam rangka melahirkan rasa cinta terhadap ilmu agama dan ikatan silaturrahim umat Islam agar kekuatan ukhuwwah Islamiyyah antara jemaah masjid dapat dikekalkan dari generasi ke generasi seterusnya.

### 4.3 Penutup

Untuk mengakhiri tesis bertajuk "**Penghayatan Islam di Kalangan India Muslim: Suatu Kajian di Masjid India, Jalan Masjid India Kuala Lumpur**" ini penulis berharap agar tesis ini dapat menjadi sumbangan berharga kepada dunia akademik amnya dan pengkajian Islam khususnya. Keunikan tradisi dan nilai-nilai dakwah Islam yang tercermin daripada penghayatan Islam jemaah Masjid India diharapkan mampu menjadi tauladan yang baik.

Perubahan profil di antara masjid dahulu dan sekarang tidak mengubah prinsip-prinsip dasar, tetapi ia lebih memperkayakan program dan tanggungjawab masjid dalam memperjuangkan dakwah Islam. Semua pencapaian program-program yang dilaksanakan di Masjid India harus lebih menguatkan keazaman kita untuk bekerja dan berusaha dalam membangun dan memajukan masjid-masjid supaya manfaat yang sebesar-besarnya dapat dinikmati oleh masyarakat tanpa memesongkan peranan asas masjid-masjid yang sebenar.

Sungguhpun terdapat kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh penyelidik dalam menyelesaikan tulisan ini, tetapi akhirnya berjaya menyelesaikan masalah terutamanya ketika berada di tempat kajian. Perbezaan bahasa dan bangsa antara penyelidik dan subjek kajian merupakan kerja penyelidikan yang sangat mencabar dan menguji kesabaran penyelidik. Namun penyelidik tidak berputus asa untuk terus menjalankan penyelidikan ini demi untuk melihat sejauhmana konsep penghayatan Islam yang diamalkan di tempat kajian. Semoga hasil penyelidikan pertama ini dapat dijadikan panduan kepada penyelidik-penyelidik yang akan datang.